

Majlis gaji tentukan kadar gaji minimum

u.m 3/07/07 MIS 6

KUALA LUMPUR 2 Julai - Kerajaan akan mengenal pasti sektor yang perlu menubuhkan majlis gaji bagi menentukan kadar gaji minimum untuk kakitangan sektor swasta, kata Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn hari ini.

Beliau berkata, dengan adanya majlis berkenaan, satu dasar gaji yang fleksibel

akan dapat dilaksanakan, yang tidak membezakan antara pekerja tempatan dan pekerja asing.

"Tenaga kerja di negara kita memang unik kerana kita ada hampir dua juta pekerja asing dan mereka ini perlu diberi layanan serupa seperti yang diberi kepada pekerja tempatan daripada segi upah dan keperluan lain," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sidang Kemuncak Sumber Manusia Kebangsaan 2007 di sini.

Fong berkata kementerian akan bekerjasama dengan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) bagi mengenal pasti mana-mana sektor yang tidak memenuhi peraturan gaji minimum mengikut pasaran.

"Kalau mereka (MTUC) rasa ada industri tertentu yang tidak membayar

upah sepadan dengan sumbangan yang diberi oleh pekerja, maka kami sedia untuk campur tangan," katanya.

Beliau berkata kementerian itu telahpun menubuhkan lapan majlis, termasuk bagi pembantu klinik, pekerja pertanian dan pengawal keselamatan, bagi melindungi hak mereka daripada segi gaji.

"Tiga sektor ini tidak mempunyai mekanisme pasaran untuk menentukan gaji yang swajarnya untuk mereka."

"Oleh itu, kami tubuhkan majlis gaji untuk mereka, yang dianggotai wakil MTUC," katanya.

Fong berkata sesetengah sektor mempunyai kesatuan sekerja yang amat berkesan dalam mewakili pekerja, dan oleh itu kementerian berkenaan tidak perlu mengambil alih peranan mereka, contohnya Kesatuan Sekerja Pekerja-pekerja Ladang

(NUPW).

"Mereka (NUPW) wujudkan perjanjian bersama antara NUPW dan wakil pekerja dan apabila NUPW berjaya mendapatkan kadar gaji yang memuaskan hati pekerja terbabit dan sekiranya mereka boleh mendapat lebih RM900, apakah perlunya kami menetapkannya pada kadar RM900?" katanya.

Minggu lepas, MTUC menganjurkan piket selama sejam di beberapa tempat di negara ini bagi menuntut gaji minimum dan elaun sara hidup (COLA) RM300 sebulan bagi kakitangan sektor swasta.

Kerajaan tidak menetapkan kadar gaji minimum bagi pekerja sektor swasta dan menyerahkan kepada majlikan masing-masing untuk menentukan kadar yang dirasakan wajar.

- Bernama

Utusan @SMS

Langgan khidmat News Alert

untuk Berita Nasional dengan menaip:

DAFTAR UMNAS dan hantar ke **32773**.

1-2 SMS dihantar sehari. Setiap SMS 30 sen.

Untuk batal langganan, taip:

BATAL UMNAS dan hantar ke **32773**.